



IKLAN BIASISWA KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2010

Warganegara Malaysia yang berasal dari Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dan salah seorang ibu atau bapanya dilahirkan di Sabah atau Wilayah Persekutuan Labuan yang mendapat keputusan cemerlang di peringkat SPM / STPM atau yang setaraf / Matrikulasi, adalah dipelawa memohon Basiswa Kerajaan Negeri Sabah untuk mengikuti kursus-kursus di peringkat Diploma / Ijazah Sarjana Muda di Institusi-institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan.

KELAYAKAN MEMOHON

1. Had Umur

1.1 Bagi kursus **Diploma** pemohon hendaklah tidak melebihi **20 tahun**

1.2 Bagi kursus **Ijazah Sarjana Muda** pemohon hendaklah tidak melebihi **25 tahun**.

2. Kelulusan Akademik

Lulus SPM mendapat kepujian dalam **lima (5) mata pelajaran** termasuk **Bahasa Melayu** dan matapelajaran yang berkaitan dengan bidang kursus yang hendak diikuti. Lulus dengan Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris untuk Universiti yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar.

dan / atau ;

Lulus Sijil STPM dengan baik atau sekurang-kurangnya lulus **Pengajian Am** dan **tiga mata pelajaran** yang lain dan berkaitan dengan bidang kursus yang hendak diikuti. Kelayakan ini haruslah diperolehi dengan **hanya sekali menduduki** peperiksaan atau kelayakan setaraf.

BAGAIMANA MEMOHON

1. Permohonan dibuat melalui Online dengan melayari **web** : **www.biasiswa.sabah.gov.my**. Pemohon mestilah mempunyai **E-Mail peribadi** untuk permohonan online.

2. Bagi daerah-daerah berikut yang kemungkinan menghadapi kesukaran akses kepada online ada disediakan borang permohonan :-

2.1. **Pejabat Daerah** : Kinabatangan, Tongod, Pitas, Kuala Penyu, Kunak dan Semporna.

2.2. **Pejabat Daerah Kecil** : Matunggong, Pagalungan, Sook, Tungku, Banggi, Kemabong Paitan dan

Telupid

2.3. **Perpustakaan** : Nabawan, Beluran, Kota Marudu dan Ranau.

3. Borang permohonan yang lengkap diisi dan berserta salinan-salinan kad pengenalan, sijil kelulusan akademik dan lain-lain yang telah disahkan benar hendaklah dikemukakan kepada:-

**Bahagian Biasiswa dan Latihan
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri
Tingkat 3, Wisma Perindustrian
Jalan Istiadat, Likas
Beg Berkunci No. 2076
88999 KOTA KINABALU, SABAH.**

Selewat-lewatnya pada : 21 April 2010

PERHATIAN

1. Permohonan yang **tidak lengkap** atau tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan**.
2. Keputusan permohonan boleh di semak melalui Online.
3. **Kursus-kursus Matrikulasi / Asasi / Foundation tidak ditaja.**
4. **Sila hantar surat tawaran kemasukan IPT ke pejabat ini dengan kadar segera jika sudah menerima tawaran tersebut.**
5. Permohonan **lewat** tidak akan dipertimbangkan.